



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



PAMERAN RUKUN NEGARA




PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara berbilang kaum, agama, budaya dan adat resam. Kepelbagaian ini menjadi kekuatan utama dalam membentuk sebuah masyarakat yang bersatu padu dan harmoni. Walaupun wujud perbezaan latar belakang, rakyat Malaysia terus hidup bersama dalam suasana yang aman dan sejahtera. Bagi menjamin kestabilan serta kemajuan negara, prinsip perpaduan mesti sentiasa dipupuk dan diamalkan oleh semua lapisan masyarakat. Usaha kerajaan dalam membina negara bangsa yang kukuh dan progresif turut didokong oleh nilai-nilai yang terkandung dalam Rukun Negara.

Pameran ini bertujuan untuk memberi kefahaman dan kesedaran kepada rakyat Malaysia tentang pentingnya Rukun Negara sebagai asas perpaduan dan keharmonian negara. Melalui pameran ini, pengunjung akan didedahkan kepada matlamat lima prinsip utama Rukun Negara yang menjadi panduan dalam membina masyarakat yang bersatu, berdisiplin dan berintegriti. Pameran ini juga berperanan untuk memupuk semangat cintakan negara, menyemai nilai-nilai murni serta menggalakkan penghayatan Rukun Negara dalam kehidupan seharian rakyat pelbagai kaum di Malaysia.

Sumber Rujukan: *Jabatan Penerangan Malaysia*

SEJARAH PEMBENTUKAN RUKUN NEGARA



Kedatangan penjajah Inggeris telah menukar pola masyarakat di negara ini. Kaedah pengurusan kaum di bawah dasar pecah dan perintah oleh Kerajaan Koloni Inggeris adalah untuk menjaga kedamaian kaum mengikut cara dan kaca mata mereka. Tiga kumpulan etnik iaitu Melayu, Cina dan India telah dipisahkan dari segi tempat tinggal dan pekerjaan.

Situasi ini menyebabkan hubungan antara kaum menjadi terbatas. Keadaan ini lebih merumitkan dan telah menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan setiap kaum. Kebanyakan orang Melayu tinggal di desa dan bekerja di sektor pertanian. Kaum Cina pula tinggal di bandar dan melibatkan diri dalam perniagaan manakala kaum India tinggal dan bekerja di estet-estet. Setiap kaum juga dipisahkan dari segi pendidikan dengan mempunyai sekolah aliran masing-masing tanpa sukatan pelajaran atau kurikulum yang sama. Hubungan kaum semakin keruh apabila parti-parti politik membuat provokasi antara satu sama lain yang akhirnya menjurus kepada pergaduhan. Keadaan semakin serius sehingga mencetuskan Peristiwa Berdarah 13 Mei 1969. Kesan daripada peristiwa itu, kerajaan telah mencari satu formula bagi mengatasi masalah pergaduhan kaum supaya dapat dibendung dan ia tidak akan berulang lagi.

Sumber Rujukan:

Abdul Rahman Putra al-Haj, 13 Mei Sebelum dan Selepas. Utusan Publications & Distributors, 2007.

Berikutan itu, Rukun Negara telah diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak bin Hussein, pada tahun 1970. Beliau yang mengetuai Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) ketika itu telah menubuhkan tiga badan iaitu Majlis Muhibah Negara, Jabatan Perpaduan Negara dan Majlis Perundingan Negara.

Sumber Rujukan:

Mohd Ayop Abd Razid, Rukun Negara: Ideologi, Falsafah dan Etika. Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, 2010.

Pemahaman dan Amalan Rukun Negara, disunting oleh Omrah Hassan @ Hussin, Sarjit Singh Gill, Mohd Mahadee Ismail, Ahmad Nasir Mohd Yusoff, Noor Mohamad Shakil Hameed, Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2023.

Rukun Negara merupakan ideologi nasional yang telah diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almarhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin, Yang di-Pertuan Agong IV sempena ulang tahun ke-13 kemerdekaan negara, selepas berlaku rusuhan etnik pada 13 Mei 1969. Kerajaan Malaysia telah menggubal Rukun Negara untuk memperkukuh bangsa yang bersatu padu di samping menyemarakkan perasaan cinta kepada tanah air. Sejak diperkenalkan, Rukun Negara telah menjadi dasar kesatuan dan perpaduan bangsa.

Sumber Rujukan:

Jabatan Penerangan Malaysia, Malaysia 2017, 2017. Portal DBook, <https://dbook.penerangan.gov.my/dbook/?product=malaysia-2017>.

PENGISYTIHARAAN PRINSIP RUKUN NEGARA

RUKUN NEGARA TERBAHAGI KEPADA DUA BAHAGIAN:

BAHAGIAN PERTAMA

Menggariskan objektif masyarakat Malaysia yang mahu dibentuk:

- Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakat;
- Memelihara satu cara hidup demokratik;
- Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
- Membentuk satu sikap yang liberal terhadap tradisi kebudayaan yang kaya dan berbagai-bagai corak; dan
- Membina sebuah masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

BAHAGIAN KEDUA

Menggariskan Lima Prinsip Rukun Negara yang berikut:

- Kepercayaan Kepada Tuhan
- Kesetiaan Kepada Raja dan Negara
- Keluhuran Perlembagaan
- Kedaulatan Undang-undang
- Kesopanan dan Kesusilaan

Sumber Rujukan:

Arkib Negara Malaysia. Rukun Negara, 2023. Portal Arkib Negara Malaysia, www.arkib.gov.my/en/pusat-media/galeri-aktiviti-multimedia/pameran-maya?view=article&id=613:rukun-negara&catid=226#.

"Maklumat Malaysia: Rukun Negara." Portal MyGovernment, Jabatan Digital Negara, www.malaysia.gov.my. Diakses pada 6 Jun 2025.



BUNGA KEBANGSAAN MELAMBANGKAN PRINSIP RUKUN NEGARA

Pada akhir tahun 1958, Kementerian Pertanian mencadangkan tujuh jenis bunga untuk dipilih sebagai Bunga Kebangsaan seperti bunga raya, bunga kenanga, bunga melur, bunga cempaka, bunga teratai, bunga mawar dan bunga tanjung.



Oleh itu, satu kajian oleh Jabatan Penerangan mendapati penduduk Pantai Timur cenderung memilih bunga mawar manakala Pantai Barat memilih bunga melur. Namun, kerajaan akhirnya memilih bunga raya berdasarkan beberapa kriteria seperti populariti, bentuk menarik, nama yang sama di seluruh negara dan kesesuaian dengan semangat perpaduan. Pada 28 Julai 1960, Tunku Abdul Rahman al-Haj mengisytiharkan bunga raya sebagai Bunga Kebangsaan kerana mempunyai lima kelopak yang melambangkan lima pecahan prinsip Rukun Negara yang turut menjadi simbol perpaduan rakyat Malaysia.

Sumber Rujukan:

"Maklumat Malaysia: Bunga Kebangsaan." Portal MyGovernment, Jabatan Digital Negara, www.malaysia.gov.my. Diakses pada 6 Jun 2025.

"Kenali Bunga Raya Bunga Kebangsaan." Laman Web Rasmi Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri, www.mkn.gov.my. Diakses pada 6 Jun 2025.



PRINSIP RUKUN NEGARA PERTAMA: KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN



Kepercayaan kepada Tuhan merupakan asas penting dalam kehidupan setiap individu beragama. Agama adalah penting dalam membentuk nilai, etika dan arah tuju kehidupan seseorang. Dalam konteks negara Malaysia, kepercayaan kepada Tuhan adalah prinsip asas yang terkandung dalam Rukun Negara. Seseorang yang patuh dan taat setia kepada ajaran agama dapat mencerminkan betapa pentingnya elemen agama dalam membentuk jati diri rakyat dan kestabilan negara.

Perlembagaan Persekutuan Malaysia mengiktiraf kedudukan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan, seperti yang termaktub dalam Perkara 3(1). Namun, pada masa yang sama, Perlembagaan juga menjamin kebebasan beragama untuk semua rakyat, tanpa mengira kepercayaan. Perkara 11 memberikan kebebasan kepada setiap individu untuk menganut dan mengamalkan agama masing-masing dan Perkara 12(2) Perlembagaan Persekutuan memberikan kebebasan kepada setiap penganut agama mengamalkan kepercayaan masing-masing. Mereka juga bebas mengurus institusi-institusi agama mereka.

Namun begitu, penganut agama-agama lain juga perlu memahami bahawa Perkara 11(4) melarang agama-agama lain disebarikan kepada orang-orang Islam. Perkara ini patut dipatuhi supaya keharmonian beragama dapat diperlihara dan menolak sebarang bentuk ekstemisme negara ini.

Sumber Rujukan:

Mohd Ayop Abd Razid, *Rukun Negara: Ideologi, Falsafah dan Etika*. Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, 2010.

Mokhtar Hussain, Kurniawati Kamarudin, dan Anis Nabila Md Wazilah, *Ikrar Perpaduan: Lima Puluh Tahun Rukun Negara (1970-2020)*. Penerbit Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA), 2020.



PRINSIP RUKUN NEGARA KEDUA: KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA



Kesetiaan kepada Raja dan Negara adalah prinsip kedua dalam Rukun Negara dan merupakan asas penting dalam menjamin kestabilan, kedaulatan serta perpaduan nasional. Prinsip ini merujuk kepada sikap taat setia yang tidak berbelah bahagi terhadap institusi Raja sebagai Ketua Negara dan kepada negara Malaysia secara keseluruhan.

Di Malaysia, sistem pemerintahan mengamalkan Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Menurut Perkara 32 Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong adalah Ketua Negara, manakala Perdana Menteri dan kabinetnya menjalankan kuasa eksekutif. Kesetiaan kepada Raja bermaksud menghormati institusi diraja yang menjadi lambang perpaduan, kesinambungan sejarah, dan identiti negara. Institusi Raja tidak hanya bersifat simbolik, tetapi juga memainkan peranan penting dalam menjamin kestabilan politik dan keharmonian antara kaum dan agama.

Sumber Rujukan:

Amirul Salam Hasan. "Pertabalan Agong: Kesetiaan kepada Raja dan Negara." UMT, 9 Jul. 2024, www.umt.edu.my/highlight-2024-bm/pertabalan-agong-kesetiaan-kepada-raja-dan-negara/?lang=ms. Diakses pada 6 Jun 2025.



PRINSIP RUKUN NEGARA KETIGA: KELUHURAN PERLEMBAGAAN



Keluhuran Perlembagaan adalah prinsip ketiga dalam Rukun Negara Malaysia. Perlembagaan memainkan peranan penting dalam menentukan agar kerajaan-kerajaan negeri mempunyai hak yang sama dan kebebasan tertentu di sisi undang-undang. Ini bertujuan menentukan amalan demokrasi dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat negara ini seperti yang disebut dalam Perkara 4(1) Perlembagaan Persekutuan.

Keluhuran didefinisikan sebagai keagungan, kemuliaan, kebesaran manakala perlembagaan pula merujuk kepada undang-undang atau peraturan negeri, dasar pemerintah negeri. Dalam konteks Rukun Negara, prinsip keluhuran perlembagaan menekankan betapa pentingnya seluruh rakyat Malaysia dengan memperakui Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi di Malaysia.

Buat kali pertama, Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu diperkenalkan pada 31 Ogos 1957 bersempena Hari Merdeka, kemudian Perlembagaan Malaysia diperkenalkan pada 16 September 1963 bersempena Hari Malaysia. Perlembagaan ini wujud berasaskan selari dengan nilai tempatan negara dan kontrak sosial yang dikatakan sebagai perjanjian antara kaum Bumiputera dengan kaum lain di negara ini. Antara perkara yang digariskan dalam perlembagaan adalah berkaitan tatacara pembentukan kerajaan persekutuan dan bidang kuasa di peringkat negeri-negeri, kedudukan Raja-raja Melayu, pemilihan dan pemasyhuran Yang di-Pertuan Agong, kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak, menjadikan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan, kedudukan agama Islam dan lain-lain.

Sumber Rujukan:

Perlembagaan Persekutuan, 2020. Portal Rasmi Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak, Jabatan Perdana Menteri. bhepp.jpm.gov.my/index.php/dokumen-perlembagaan-persekutuan/.

Rahman Naim Mat Ali. "Others." UTM News Hub, 1 Apr. 2024. news.utm.edu.my/?p=59998. Diakses pada 6 Jun 2025.



PRINSIP RUKUN NEGARA KEEMPAT: KEDAULATAN UNDANG-UNDANG



Keadilan dalam sesebuah negara harus diasaskan atas prinsip kedaulatan undang-undang. Dalam sistem ini, setiap rakyat mempunyai kedudukan yang sama di sisi undang-undang, tanpa mengira latar belakang, kedudukan atau pangkat. Hak-hak kebebasan asasi dijamin untuk semua warganegara. Kebebasan ini termasuklah kebebasan seseorang, perlindungan sama di sisi undang-undang, kebebasan beragama, kebebasan memilik harta benda dan perlindungan daripada dibuang negeri.

Kedaulatan Undang-Undang merupakan prinsip keempat dalam Rukun Negara. Prinsip ini membawa maksud bahawa undang-undang adalah tertinggi dan menjadi panduan utama dalam pentadbiran negara. Semua rakyat Malaysia tanpa mengira pangkat atau kedudukan, termasuk pemimpin negara, tertakluk kepada undang-undang yang sama. Prinsip ini menjamin keadilan, keamanan dan kesejahteraan dalam masyarakat.

Prinsip perundangan menyokong kesaksamaan undang-undang untuk semua, memastikan kerajaan yang dibentuk tidak bertindak secara sewenang-wenangnya (non-arbitrary) dan menghalang penyalahgunaan kuasa yang bersifat zalim atau menindas.


Prinsip kedaulatan undang-undang ini mengandungi dua perkara umum. Pertama, segala kuasa yang dilaksanakan oleh kerajaan mestilah berasaskan sumber yang sah dan diperuntukkan oleh undang-undang. Ini menjadikannya sistem yang mendaulkan undang-undang, bukan sistem yang mendaulkan individu; *a government of law, not a government of men*. Kedua, badan kerajaan hendaklah bertindak mengikut undang yang mengandungi piawaian 'keadilan' yang diterima oleh masyarakat berdasarkan nilai-nilai tertentu yang disepakati dalam pengisian Perlembagaan.

Sumber Rujukan:

"Kedaulatan Undang-Undang." Portal Institut Kefahaman Islam Malaysia. www.ikim.gov.my. Diakses pada 6 Jun 2025.

Mokhtar Hussain, Kurniawati Kamarudin, dan Anis Nabila Md Wazilah. Ikrar Perpaduan: Lima Puluh Tahun Rukun Negara (1970-2020). Penerbit Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA), 2020.

Pemahaman dan Amalan Rukun Negara, disunting oleh Omrah Hassan @ Hussin, Sarjit Singh Gill, Mohd Mahadee Ismail, Ahmad Nasir Mohd Yusoff, Noor Mohamad Shakil Hameed, Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2023.



PRINSIP RUKUN NEGARA KELIMA: KESOPANAN DAN KESUSILAAN

Prinsip Kesopanan dan Kesusilaan adalah Prinsip Rukun Negara yang kelima. Prinsip ini membawa maksud bahawa setiap individu dalam masyarakat hendaklah berkelakuan baik, bersikap sopan serta bertindak mengikut nilai-nilai moral dan tatasusila yang tinggi. Prinsip merupakan asas kepada pembinaan negara yang harmoni serta masyarakat yang sejahtera.

Rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum, budaya dan agama perlu memupuk semangat saling hormat menghormati, bantu-membantu serta bersikap terbuka menerima perbezaan antara satu sama lain. Setiap individu dan setiap golongan masyarakat hendaklah menguruskan hal masing-masing dengan cara yang tidak melanggar batas tatasusila. Prinsip ini sangat penting untuk mewujudkan masyarakat yang menghormati dan menghargai kepentingan kaum lain.

Prinsip ini menjadi asas bagi membentuk masyarakat yang berdisiplin, berintegriti dan bertanggungjawab. Seterusnya, prinsip ini menjadi panduan seluruh masyarakat supaya perilaku masyarakat sentiasa terpelihara dan berkembang sesuai dengan kemajuan dan pembangunan tamadun negara yang berasaskan bangsa dan negara.



Sumber Rujukan:

Mohd Nizam Sahad dan Syaqq al-Azdi, "Kesopanan dan Kesusilaan Nadi Keharmonian Negara." BERNAMA, 2 Ogos 2021, [bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1987553](https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1987553). Diakses pada 6 Jun 2025.

Mohd Ayop Abd Razid, Rukun Negara: Ideologi, Falsafah dan Etika. Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, 2010.

Mokhtar Hussain, Kurniawati Kamarudin, dan Anis Nabila Md Wazilah, Ikrar Perpaduan: Lima Puluh Tahun Rukun Negara (1970-2020). Penerbit Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA), 2020.

